

**MY NAME IS HASMAH. By Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd, Selangor. 2016. Hlm. 244. ISBN 978 967 86 0738 4**

Buku yang tertera di atas telah disorot oleh penulis. Penulisan biografi merupakan suatu karya yang amat menarik untuk dihayati. Hal ni kerana penulisan ini merupakan terjemahan pengalaman dalam kehidupan yang telah dilalui sejak kecil sehingga kini. Buku ini mengandungi tujuh bab yang secara keseluruhannya merupakan kisah hidup penulis yang pernah menjadi wanita pertama negara.

Mengenali peribadi seorang wanita pertama negara adalah perlu dalam mendalami penulisan karya ini. Dr. Siti Hasmah Mohd Ali juga dikenali sebagai “Anak Pak Ali Bankrap” dan dilahirkan pada 12 Julai 1926 di Klang, Selangor. Beliau dipanggil dengan nama “Hasmah” oleh seluruh ahli keluarganya. Namun begitu “Che Mah” digelar apabila adik beradiknya yang lain mahu mengadu pada ibu bapanya. Adik lelaki beliau pula menggelarnya sebagai “Deh”. Usia beliau yang meningkat dan membesar di Kuala Lumpur telah memberikan gelaran baru kepadanya iaitu “Anak-anak Pak Ali Bankrap”.

Dr. Siti Hasmah Mohd Ali telah mendapat didikan yang sempurna daripada ayah beliau iaitu Mohd Ali Mohd Taib. Pada peringkat awal, Mohd Ali Mohd Taib bekerja sebagai Ketua Kerani di Jabatan Kesihatan Kelang sebelum ditukarkan ke Kuala Lumpur juga sebagai kerani di mahkamah rendah. Ayah Dr. Siti Hasmah dilahirkan pada tahun 1896 di Binjai Sumatra dan merupakan anak bongsu kepada seorang peniaga yang bernama Mohd Taib. Perkahwinan pertama ayah beliau bersama Siti Naemah Sutan Baginda sebelum berkahwin dengan seorang lagi wanita yang bernama Siti Rafeah dari Sumatra. Dr. Siti Hasmah Mohd Ali merupakan doktor wanita Melayu pertama yang berjaya menamatkan pendidikan dari King Edward VII College of Medicine, Singapura ketika negara berada dalam kancang peperangan dan penjajahan.

Buku ini sangat menarik untuk dibaca kerana merupakan sebahagian daripada anekdot autobiografi beliau. Membaca karya ini seolah-olah kita berada bersama penulis semenjak kecil sehingga akhirnya menjadi “Wanita Nombor Satu Negara”. Perkenalan dengan anak kepada seorang insan biasa yang bercita-cita tinggi iaitu Mahathir Mohamad telah membawa beliau menjadi wanita kental negara selama hampir 22 tahun.

Tujuh bab yang telah dititipkan oleh penulis buku ini ialah Pengenalan (*Love, Respect and Other Prescriptions*), Bab 1 (Anak Pak Ali Bankrap), Bab 2 (Dr. Hasmah), Bab 3 (Sayang), Bab 4 (*Mummy {And Tok}*), Bab 5 (Datin Seri Dr. Siti) dan Bab 6 (Tun Dr. Siti). Bab pendahuluan dimulakan oleh beliau dengan menyatakan rasa syukur kepada Allah SWT takkala usia yang mencecah hampir 90 tahun. Bab pertama dimulakan dengan tajuk Anak Pak Ali Bankrap. Perkara yang seringkali diingati beliau ialah tentang penegasan ayahnya iaitu “*if you educate a son, you educate an individual; if you educate a daughter, you educate a nation.*” Ungkapan ini memberikan penegasan mengenai kepentingan ilmu dalam kehidupan seharian tanpa mengira jantina. Penekanan yang sama juga sering kali ditegaskan oleh ibu beliau. Ketegasan ayahnya dengan merotan beliau dan adiknya Ahmad Razali kerana mencuri tauhu sumbat menjadi bukti bahawa keluarga ini amat mementingkan disiplin. Beliau juga mempelajari kepentingan mengadakan perbincangan dalam keluarga daripada ayahnya.

Pendidikan awal yang telah diterima oleh beliau ialah sistem pendidikan Melayu yang menekankan penggunaan tulisan Jawi. Menurut Dr. Siti Hasmah, ilmu ini amat berguna kepadanya kerana ini merupakan medium persuratan dengan ibunya ketika melanjutkan

pengajian ke Singapura dalam bidang perubatan. Beliau juga menyatakan mengenai kelebihan belajar di sekolah Melayu dengan pengajaran ilmu rumahtangga dan kebersihan. Ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Dr. Siti Hasmah berusia 15 tahun. Keluarga beliau telah berpindah ke Kampung Baru pada Februari 1942. Kehidupan ketika itu sangat sederhana dengan berlaukan ubi kayu, jagung dan ikan. Emak beliau telah memberikan ilmu rumahtangga yang amat bernilai seperti kemahiran menggunakan batu giling ketika menyajikan makanan untuk keluarga.

Bab 2 mengisahkan mengenai zaman ketika beliau melanjutkan pengajian di King Edward VII College of Medicine di Singapura sehingga menjadi doktor wanita Melayu yang pertama. Pada tahun 1950-an profesion perubatan merupakan suatu yang dipandang mulia dan tinggi dari kaca mata masyarakat. Perjalanan dengan menaiki kereta api ini dimulakan selepas perang iaitu pada Oktober 1947. Antara pesanan penting yang telah disampaikan oleh ibu beliau ialah “Jangan berkawan rapat sangat dengan orang lelaki”. Pesanan ini menjadikan beliau cukup berhati-hati sehingga membawa Surah Yassin pada tahun pertama beliau belajar di kolej. Pengalaman ketika berada di “*Class of 47*” cukup indah. Beliau mempunyai ramai rakan sekuliah. Antaranya ialah Olivia Samuel yang menjadi rakan sebilik dan merupakan anak kepada doktor keluarga mereka. Kuliah Dr. Siti Hasmah mengandungi seramai 50 orang pelajar keseluruhannya dan hanya 10 orang pelajar perempuan sahaja. Hanya beliau seorang sahaja pelajar yang berbangsa Melayu. Suasana akrab ketika kolej dapat dilihat apabila mereka sering kali mengadakan perbincangan sama ada di kolej ataupun di taman. Terdapat tujuh orang pelajar lelaki Melayu ketika itu. Salah seorangnya bernama Mahathir Mohamad dari Kedah. Pada pandangan peribadi Dr. Siti Hasmah, “*Class of 47*” merupakan kumpulan rakan sekolej yang cukup akrab kerana hubungan rapat mereka kekal sehingga kini. Pada pandangan pengulas, penceritaan ketika alam kolej ini menjadi bertambah menarik apabila Dr. Siti Hasmah menyelitkan sekeping gambar “*Class of 47*” yang terdiri daripada semua rakan-rakannya termasuklah Mahathir Mohamad.

Perbezaan aliran persekolahan telah menyebabkan Dr. Siti Hasmah mengalami kesukaran khususnya dalam memahami mata pelajaran Fizik dan Kimia. Oleh yang demikian, beliau gagal pada tahun pertama pengajian bersama tiga orang rakannya yang lain. Nasib menyebelahi apabila pihak kolej memberi kebenaran kepada beliau untuk mengulang subjek tersebut manakala tiga orang rakannya telah dibuang kolej. Mahathir Mohamad bertindak “macam hulubalang” apabila beliau memberikan tunjuk ajar kepada Dr. Siti Hasmah sehingga lulus dalam peperiksaan. Usaha keras Dr. Siti Hasmah sentiasa mendapat galakan daripada Mahathir Mohamad dan seluruh ahli keluarganya. Kemuncak pengajian Dr. Siti Hasmah ialah pada Jun 1954 apabila beliau menduduki tiga subjek iaitu perubatan, pembedahan dan obstetrik dan ginekologi. Beliau terpaksa mengulang subjek perubatan dan akhirnya lulus pada Jun 1955. Dr. Siti Hasmah terus menelefon keluarga dan Abang Ngahnya apabila keputusan peperiksaan diumumkan. Beliau berasa sangat gembira kerana dapat memenuhi hasrat ibu bapanya. Beliau telah tamat pengajian pada Jun 1955 dan amat berbangga kerana menjadi wanita Melayu Malaya yang pertama lulus dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Singapura.

Manakala Mahathir Mohamad telah tamat pengajian pada tahun 1952 iaitu dua tahun lebih awal berbanding dengan Dr. Siti Hasmah. Ketika itu keluarga Dr. Siti Hasmah sudah mengetahui hubungan cinta di antara mereka kerana Mahathir Mohamad sering singgah di rumah Dr. Siti Hasmah ketika cuti. Hubungan ini sering kali diikuti dengan nasihat daripada keluarga agar mengutamakan pelajaran dahulu sebelum memikirkan soal perkahwinan. Wad 18, Hospital Besar Kuala Lumpur menjadi permulaan kepada kerjaya Dr. Siti Hasmah

sebelum berhijrah ke Hospital Besar Alor Setar pada tahun 1956 setelah berkahwin dengan Mahathir Mohamad. Dr. Siti Hasmah mendapat pengalaman yang amat berharga apabila berkhidmat di negeri Kedah. Hal ini kerana lokasi luar bandar yang sarat dengan pelbagai warna kehidupan. Perbezaan dialek dan budaya kehidupan masyarakat di Kedah telah menyebabkan beliau cuba berasimilasi dengan budaya setempat. Tambahan pula golongan bomoh, tok guru dan tok bidan mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat. Antara kenangan manis beliau ketika berkhidmat sebagai doktor di Hospital Besar Alor Setar ialah apabila memujuk seorang anak lelaki yang mengalami cirit-birit datang ke hospital. Oleh sebab tiada sesiapa yang hendak menjaga kerbau yang menjadi punca rezeki keluarga, maka binatang tersebut dibawa bersama dan ditambat di luar wad. Ini juga memudahkan anak lelaki tersebut menjaga kerbaunya bersama. Kedua-duanya dibenarkan pulang selepas tiga hari berada di hospital.

Pada tahun 1962, beliau menjadi Pegawai Perubatan dan memangku jawatan sebagai Pemangku Penguasa Perubatan di Utara Kedah. Selepas itu, beliau dilantik sebagai pegawai perubatan wanita pertama di Jabatan Kesihatan Ibu dan Anak dan pengetua di Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar di Jitra. Pada tahun 1971, beliau menjadi pegawai perubatan di Kubang Pasu dan sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak negeri Kedah. Pada tahun 1974 beliau bertugas di Institut Kesihatan Umum Bangsar, Kuala Lumpur sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak. Menjelang tahun 1979, beliau bersara dari perkhidmatan kerajaan dan menyertai Fakulti Pergigian Universiti Malaya sebagai pensyarah sambilan kepada pelajar perubatan akhir semester.

Sebagai seorang isteri, Dr. Siti Hasmah melahirkan kebimbangan kepada keputusan suaminya Mahathir Mohamad apabila menyatakan hasratnya untuk berhenti dari perkhidmatan kerajaan pada tahun 1957. Mahathir Mohamad membuka sebuah klinik kecil yang mengambil ruang klinik gigi di Jalan Tunku Ibrahim Alor Setar. Beberapa tahun selepas itu, Mahathir Mohamad membuka “Maha Klinik” dengan modal yang diberikan oleh abang ipar beliau. Pada tahun 1979, Mahathir Mohamad beralih ke karier politik dan menyebabkan Dr. Siti Hasmah banyak mengambil cuti tanpa rekod kerana menemani suami beliau. Namun apabila tamatnya kontrak dengan kerajaan, Dr. Siti Hasmah membuat keputusan untuk menamatkan profesion perubatan secara rasmi kerana kekangan tugas yang lain.

Bahagian ketiga buku ini diberikan tajuk “sayang”. Menurut Dr. Siti Hasmah, apa yang penting bagi diri beliau ialah sentiasa di samping Mahathir Mohamad yang menjadi suaminya sejak tahun 1956 dan telah dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981. Mahathir Mohamad sering kali menulis artikel dalam akhbar dengan menggunakan nama pena “C.H.E. Det, Inche Det atau Mr. Det”. Dalam hubungan perkahwinan yang hampir mencapai 60 tahun pada tahun 2016, Mahathir Mohamad sering kali menggunakan ungkapan “sayang” kepada Dr. Siti Hasmah. Namun apabila ditanya, beliau menjawab bahawa tiada pilihan kecuali memanggilnya dengan panggilan tersebut. Pada hemah pengulas, bab ini juga amat menarik kerana Dr. Siti Hasmah menceritakan mengenai detik perkenalan beliau dengan Mahathir Mohamad ketika menuntut di Singapura pada tahun 1947. Mahathir Mohamad yang telah bertindak sebagai tutor peribadi telah menyebabkan hubungan mereka menjadi akrab. Walaupun hidup sebagai pelajar amat mencabar, namun mereka mengambil kesempatan untuk makan kangkung belacan dan menikmati tiram di Marine Parade ataupun ke Kallang Airport. Apabila Mahathir Mohamad menamatkan pengajian pada tahun 1953, Dr. Siti Hasmah mengiringi beliau sehingga ke stesen kereta api.

Walau bagaimanapun, perpisahan sementara ini menguji perasaan cinta dan kasih sayang di antara mereka. Hal ini juga telah membawa kepada ikatan pertunungan pada 30 Julai 1953. Akan tetapi, ayah kepada Dr. Siti Hasmah telah menulis surat kepada Mahathir Mohamad dan menasihatkan beliau agar tidak membawa keluar tunangnya dengan sesuka hati bagi menjaga nama baik keluarga. Sikap berani negarawan ulung ini dapat dibuktikan apabila beliau menulis sepucuk surat kepada bakal ayah mertuanya dan menyatakan rasa tidak puas hati beliau. Sikap berani ini juga ditunjukkan oleh Mahathir Mohamad apabila menulis sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman pada tahun 1969 sehingga membawa kepada penyingkirannya dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Pasangan ini selamat melangsungkan perkahwinan pada 5 Ogos 1956 dengan sambutan selama lima hari.

Pengalaman pertama kedua pasangan ini ke luar negara ialah pada tahun 1960. Di dalam buku ini juga dilampirkan catatan dan memori perjalanan mereka ke Hong Kong (halaman 90-91) serta membuktikan bahawa mereka ialah pasangan yang cukup romantis. Pasangan ini berusaha untuk memperuntukkan masa bersama sekiranya mempunyai kesempatan. Dr. Siti Hasmah juga telah menyatakan serba sedikit karektar yang dimiliki oleh suaminya. Antaranya ialah seorang yang amat mengambil berat, tidak suka bercakap dengan nada suara yang tinggi dan amat mementingkan disiplin. Suaminya juga mempunyai perwatakan terpuji iaitu mendiamkan diri apabila tidak bersetuju dengan sesuatu perkara. Di dalam buku ini (halaman 100) terdapat sekeping gambar pasangan romantik ini iaitu Dr. Siti Hasmah dipeluk di khayalak ketika berada di Signal Hall, Cape Town, Afrika Selatan. Gambar ini dapat menjadi bukti kepada keakraban pasangan ini sehingga kini. Walaupun Mahathir Mohamad terlalu sibuk dan kasihkan rakyat, namun sebagai manusia biasa, beliau juga memerlukan seorang doktor peribadi iaitu Dr. Siti Hasmah. Beliau bukan sahaja telah bertindak sebagai isteri namun sebagai jururawat kepada beberapa jenis penyakit yang dialami oleh suaminya seperti *pneumonia*, jangkitan paru-paru dan dua kali pembedahan jantung. Waktu senggang pasangan ini dihabiskan dengan aktiviti menunggang kuda. Pada kebiasaananya Mahathir Mohamad akan menunggang kuda pada setiap pagi Ahad, jam 6.30 pagi sekiranya cuaca baik. Hobi ini turut diminati oleh cucu mereka iaitu Marissa. Aktiviti riadah ini amat bermanfaat kepada pasangan ini untuk mengekalkan kecergasan khususnya apabila mencecah usia ke 90 tahun.

Bahagian keempat buku ini bertajuk "*Mummy and Tok*" dan menceritakan pengalaman hidup Dr. Siti Hasmah menjadi ibu serta membesarangkan kesemua anak-anaknya. Didikan tegas yang telah diterima oleh kedua pasangan ini cuba diterapkan dalam keluarga ini. Amalan bermusyawarah bersama keluarga telah dipraktikkan dalam keluarganya. Malah hukuman juga akan dikenakan kepada mereka dan disaksikan oleh semua ahli keluarga yang lain. Bahasa komunikasi pasangan ini ialah dengan menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dr. Siti Hasmah menyatakan bahawa Mahathir Mohamad sering kali menyatakan rasa kesyukuran kerana dikurniakan anak dan cucu. Ini membuatkan hubungan kekeluargaan mereka menjadi akrab dan dilimpahi dengan kasih sayang. Dalam bab yang keempat ini juga dimuatkan dengan gambar keluarga yang menarik dan mampu mengembalikan nostalgia.

Menurut Dr. Siti Hasmah, kerjaya politik suami beliau telah mengubah hampir keseluruhan rutin kehidupan keluarganya. Bermula dengan kerjaya Mahathir Mohamad sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1974, Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976 dan Perdana Menteri menjelang tahun 1981. Bagi mengelakkan salah fahan, suaminya melarang ahli keluarganya berjumpa di pejabat ataupun menyertai politik. Keadaan ini berlanjutan sehingga beliau menamatkan karier politik pada tahun 2003. Keadaan hidup yang sederhana juga diterapkan dalam kalangan anak-anak beliau. Ketika anak beliau Mukhriz menuntut di Boston, identitinya sebagai anak kepada Perdana Menteri Malaysia dirahsiakan. Walaupun keluarga

Mahathir Mohamad terikat dengan pelbagai peraturan dan protokal yang merimaskan namun mereka tetap mencuri masa untuk bersama dengan masyarakat.

Dr. Siti Hasmah juga turut berkongsi mengenai detik indah ketika menyambut kelahiran cucu sulung mereka iaitu Inez. Inez ialah anak kepada Marina Mahathir. Detik ini juga dikongsi dengan penuh debaran kerana ketika itu Mahathir Mohamad berhadapan dengan pemilihan UMNO dan pertentangan di antara kumpulan A dan B. Namun, kerana kasihkan anak, beliau berangkat ke Kobe, Jepun selama seminggu untuk menemani Marina yang akan melahirkan anak. Kasih sayang pasangan ini tidak terbatas kepada anak sendiri, namun kepada kedua orang anak angkat iaitu Mazhar dan Maizura. Kedua-duanya dijadikan anak angkat pada tahun 1984 dan berasal dari Pakistan. Sebagai seorang nenek yang penuh dengan disiplin, beliau sentiasa menasihatkan cucu-cucunya khusus yang menuntut di luar negara. Antaranya ialah agar sentiasa menghargai keluarga yang bertungkus lumus menyediakan keperluan bagi menyambung pengajian. Sebagai seorang nenek, beliau amat menghargai pelukan dan kasih sayang daripada 18 orang cucunya.

Berkumpul bersama keluarga merupakan antara aktiviti yang amat dititikberatkan oleh pasangan ini. Pada tahun 2015, keluarga pasangan ini telah berkumpul di Ombak Villa Resort, Langkawi, Kedah selama empat hari. Pelbagai aktiviti keluarga telah diatur seperti permainan congkak, batu seremban, menganyam ketupat dan kukur kelapa. Pada waktu malam pula diadakan persembahan wayang kulit dan zapin. Pada hari keduanya mereka telah berkelah di Telok Daun manakala hari ketiga Mahathir Mohamad dan keluarga menghabiskan masa dengan menunggang kuda dan melawat ladang ternakan lembu serta kerbau. Kesemua perjalanan ini telah diatur dengan menggunakan bas. Kemuncak kepada hari keluarga ini ialah dengan mengadakan persembahan pentas pada malam tersebut. Majlis ini diakhiri dengan ucapan oleh Dr. Siti Hasmah. Dalam ucapannya, beliau telah melahirkan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga yang telah menganjurkan majlis yang cukup indah. Tiada ucapan yang lebih indah bagi kedua-dua pasangan ini kecuali “Syukur Allhamdulilah”.

Bab kelima buku ini bertajuk “Datin Seri Dr. Siti” yang menceritakan perjalanan hidup beliau sebagai isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. Beliau menjelaskan mengenai perubahan rutin kehidupan setelah Mahathir Mohamad dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Beliau juga terpaksa mengorbankan kerjaya kedoktoran yang amat dicintainya. Peranan beliau bukan hanya sebagai isteri kepada ahli politik malah menjadi ketua kepada badan-badan kebaikan yang dianggotainya. Ini bermakna beliau telah menjadi sebahagian daripada milik rakyat. Beliau juga turut berkempen bagi pihak Mahathir Mohamad. Kerjaya kedoktoran telah menyebabkan beliau begitu hampir dengan masyarakat. Pada tahun 1969, Mahathir Mohamad telah kalah dalam pilihan raya dan merupakan saat yang paling mengecewakan. Namun Dr. Siti Hasmah sentiasa berada bersama suaminya dan memenangi kerusi dalam pilihan raya pada tahun 1974. Dr. Siti Hasmah berpendapat bahawa menjadi isteri kepada Perdana Menteri seharusnya menjadi suri teladan, mempunyai pemikiran yang positif dan bertindak sebagai sumber inspirasi kepada orang lain. Oleh yang demikian, penampilan dan imej diri adalah suatu yang amat dititik beratkan oleh beliau. Menurut Dr. Siti Hasmah, suatu pendirian yang dimiliki oleh Mahathir Mohamad ialah tidak pernah mengatakan “tidak” kepada sesiapapun. Walaupun mempunyai rutin harian yang padat, beliau akan cuba untuk memenuhi permintaan semua. Rutin harian Dr. Siti Hasmah sebagai isteri kepada Perdana Menteri telah membolehkan beliau menjadi duta bersama suaminya ke serata pelusuk dunia. Peluang ini juga telah digunakan oleh beliau mencurahkan tenaga bagi pembangunan BAKTI dan terlibat dalam sukan badminton yang menjadi kegemarannya.

Bab terakhir dalam buku ini bertajuk “Tun Dr. Siti” yang menceritakan kehidupan beliau dan Mahathir Mohamad selepas bersara iaitu pada tahun 2003. Tempoh masa yang dilalui oleh kedua pasangan ini terlalu lama. Ini bermakna banyak masa telah dihabiskan bagi kepentingan rakyat dan negara. Pada usia emas ini, mereka memerlukan ruang masa yang amat berharga bersama keluarga. Mahathir Mohamad telah mengumumkan persaraan beliau ketika Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2002. Detik ini menjadi suatu yang cukup beremosi, tambahan pula apabila dihampiri dan dipujuk oleh Tan Sri Rafidah Aziz dan Datuk Seri Hishamuddin Hussein. Dr. Siti Hasmah beranggapan bahawa sudah tiba masa suaminya berundur walaupun beliau juga didesak untuk memujuk. Akan tetapi, tempoh selama 22 tahun amat lama bagi mereka menjadi milik rakyat dan sudah sampai masanya bersama keluarga tercinta. Mahathir Mohamad sudah merancang untuk tinggal bersama seluruh anak-anaknya selepas bersara. Perancangan itu sudah diatur lebih awal dengan membeli tanah seluas lima ekar di Putrajaya. Keengganinan anak-anak mereka telah menyebabkan tanah tersebut dijadikan sebagai dusun buah-buahan.

Kini Dr. Siti Hasmah juga menghabiskan masa dengan bersukan dan bertemu dengan rakan-rakan ketika menuntut di universiti. Bagi Tun Mahathir Mohamad pula, beliau terus aktif kerana sentiasa menjadi sasaran bagi mendapatkan pandangan di peringkat dunia. Pada tahun 2009, Dato' Seri Najib Tun Razak telah menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Secara peribadinya mereka amat mengenali keluarga Dato' Seri Najib Tun Razak. Dr. Siti Hasmah dan Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah dijemput untuk menghadiri jamuan makan bersama oleh Dato' Seri Najib Tun Razak di Seri Perdana. Kedua-dua pemimpin ini berbincang selepas makan bersama. Ketika dalam perjalanan pulang, Dr. Siti Hasmah bertanya mengenai perkara yang dibincangkan. Ternyata kedua mereka mempunyai pandangan yang cukup berbeza dan turut berlarutan sehingga kini.

Secara keseluruhannya Dr. Siti Hasmah telah menggarap buku ini dengan bahasa yang mudah dan cukup santai. Membaca buku ini dapat mengimbau kenangan bersama seorang wanita dan ibu yang cukup berjasa besar kepada negara. Tambahan pula gaya susunan menjadi amat menarik kerana disertakan dengan beberapa keping gambar lama. Gambar-gambar tersebut merupakan sebahagian daripada anekdot kehidupan seorang yang pernah menjadi wanita nombor satu negara. Pada bahagian akhir buku ini juga diletakkan sekeping gambar keluarga yang diambil ketika sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun 2015. Gambar ini dapat berbicara mengenai keakraban hubungan kekeluargaan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hal yang demikian, pada hemat pengulas telah memberi impak yang signifikan dalam penulisan buku ini.

### **Mohamed Ali Haniffa**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.